

JANGAN TERDO RONG!

BM 24 MAY 1981

ALOR SETAR, Sabtu — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan ahli-ahli UMNO jangan terdorong kepada perbuatan rasuah untuk mendapatkan sesuatu dari tokoh-tokoh yang bertanding jawatan tinggi dalam parti jika tokoh-tokoh tersebut mahukan sokongan.

Beliau dukacita kerana ada pihak yang mendesak mendapatkan sesuatu dari tokoh yang bertanding sekiranya mereka menang.

"Perkara seperti ini tidak seharusnya berlaku kerana ia akan membawa kepada perbuatan rasuah yang tidak sama sekali dikehendaki UMNO," ujarnya merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Kuala Kedah, di Stadium Datuk Syed Omar, di sini hari ini.

Datu Seri Dr. Mahathir, yang juga Timbalan Presiden UMNO, mengingatkan calon-calon yang bertanding merebut jawatan dalam UMNO, jangan menggunakan kuasa Kerajaan untuk kepentingan diri sendiri.

"Kuasa Kerajaan cuma boleh digunakan untuk kepentingan rakyat sahaja dan bukan untuk kepentingan parti atau seseorang calon.

"Mereka hendaklah menggunakan kuasa-

kuasa yang diperuntukkan oleh parti untuk mendapatkan sokongan," tambah beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga mengingatkan para penyokong seseorang calon itu jangan menggunakan tektik kurang sihat seperti mencaci, merendah dan memburukkan calon lawan semata-mata untuk mendapat kemenangan.

Beliau mengakui bahawa pemilihan pucuk pimpinan UMNO kali ini membawa sedikit masalah kerana ada perbalahan kecil, sungguhpun "tidak sampai ke taraf membalik kerusi".

Menurutnya, perbalahan ini timbul kerana ada kempen-kempen untuk mencari pengaruh dan sokongan.

Menyentuh kewibawaan UMNO masa depan, Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, walaupun 100 kali parti itu menukarkan pemimpinnya tetapi perjuangan UMNO terhadap bangsa, agama dan tanahair tidak akan tergunat.

Katanya, keputusan Datuk Hussein Onn mengumumkan hasratnya tidak akan bertanding mengekalkan jawatannya sebelum Perhimpunan Agung kerana beliau yakin terhadap kematangan ahli-ahli membuat pilihan yang bijak dan tepat.

"Datuk Hussein membuat keputusan itu adalah bagi membolehkan perhimpunan menentukan siapa bakal menggantikan tempat yang dikosongkan itu," ujarnya.

Timbalan Perdana Menteri seterusnya meng-

ingatkan seluruh ahli UMNO jangan mengcewakan harapan dan kepercayaan Datuk Hussein Onn dengan menimbulkan berbagai pergolakan yang tidak sihat menjelang Perhimpunan Agung bulan depan.

"Kalau setiap ahli tidak memilih pemimpin UMNO yang bakal menggantikan

tempat-tempat yang dikosongkan dengan penuh tertib, maka kita akan mengcewakan dan menghampakan harapan Datuk Hussein," tambah beliau.

Katanya lagi, kepercayaan seratus peratus yang diberikan oleh Datuk Hussein itu menunjukkan beliau yakin ahli-ahli UMNO kini berfikiran cukup matang, waras dan boleh mem-

buat pemilihan dalam suasana tenang.

Kepada semua ahli UMNO, beliau menggesa supaya bertenang menghadapi Persidangan Agung dan berkempen dengan teratur bagi mencerminkan keperibadian yang baik agar tidak timbul keraguan di kalangan rakyat dan juga rakan-rakan lain dalam Barisan Nasional.